

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

kan alam sekitar dalam negara kita serta boleh menjejaskan kualiti udara negara jiran.

Pihak yang berkaitan dengan isu pembakaran terbuka seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) hendaklah aktif melancarkan operasi mencegah pembakaran terbuka di seluruh negara bagi memastikan tiada pihak mengambil mudah dengan isu ini.

**Beri pendedahan**

Selain itu, orang ramai perlu diberi pendedahan serta didikan mengenai isu pembakaran terbuka ini pada setiap masa. Langkah penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas dengan membabitkan pelbagai agensi kerajaan bagi memantau masalah itu juga adalah perlu digunakan.

Larangan pembakaran terbuka tidak boleh dilaksanakan dengan hanya melalui sesuatu arahan sahaja. Ia juga sepatutnya disertai dengan aspek penguatkuasaan undang-undang yang sedia wujud mengenainya. Aktiviti pembakaran terbuka akan terus berlaku selagi tiada tindakan tegas diambil oleh pihak berkuasa.

**Langkah penguatkuasaan**

Bagi mencegah dan mengawal aktiviti pembakaran terbuka dalam negara, JAS boleh menguatkuasakan Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 147) di mana tindakan yang tegas terhadap pihak yang melakukan pembakaran yang boleh membawa kepada hukuman denda sehingga RM 500,000 atau lima tahun penjara.

Tindakan penguatkuasaan undang-undang ke atas mereka yang masih degil melakukan pembakaran terbuka boleh juga diambil dengan kerjasama antara agensi kerajaan yang lain seperti pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, Bahagian Keselamatan Negara, Rela, Kementerian Kesihatan, polis serta masyarakat sekeliling.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Pensyarah Kanan,  
Fakulti Syariah & Undang-Undang,  
Universiti Sains Islam  
Malaysia (USIM)



**Pembakaran terbuka** boleh menjejaskan kualiti udara, cemar alam sekitar.

[GAMBAR HIASAN]

## ALAM SEKITAR

# Pembakaran terbuka berleluasa musim kemarau undang bahaya

Negara kita sedang menghadapi musim panas serta cuaca kering yang dijangka hanya akan berakhir pada penghujung bulan ini.

Dalam menghadapi suasana musim panas serta cuaca kering ini, orang ramai diminta supaya tidak sewenang-wenangnya melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka bagi mengelak jerebu ataupun kebakaran besar yang boleh memusnahkan banyak harta benda dan kehilangan nyawa.

Walaupun aktiviti pembakaran terbuka di negara ini dilihat masih terkawal, langkah berjaga-jaga perlu diambil dari sekarang oleh semua pihak sebagai usaha pencegahan.

**Hindari aktiviti pembakaran terbuka**

Sebarang aktiviti pembakaran terbuka seperti membakar sampah sarap, membuat unggun api



ketika memancing, memburu, berkelah atau lain-lain aktiviti seumpama itu di kawasan hutan, tanah gambut atau tempat lain yang mudah terbakar perlu dihindari.

Berikutan cuaca kemarau dan cuaca kering yang dihadapi di beberapa bahagian negara ini, dinasihatkan supaya mereka yang merokok tidak membuang puntung rokok di merata-rata tempat yang boleh mengakibatkan kebakaran.

**Boleh cemarkan alam sekitar**

Golongan petani yang masih amal aktiviti pertanian tradisional juga perlu mengelak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka ke atas sisa pertanian seperti jerami, padi, rumput kering dan seumpamanya pada musim kemarau ini.

Masalah yang membabitkan pembakaran terbuka di negara ini bukanlah satu isu yang baharu. Jika isu ini tidak ditangani dengan berkesan, ia juga boleh mencemar-